



TINJAU ... Raime (kiri) melawat kakitangan Hospital Daerah Tenom yang turut hadir sama bagi memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk kampung pada program itu.



BERSAMA AJK ... Dr.Kamaruzaman dan Raime merakam gambar kenangan bersama-sama dengan sebahagian ahli jawatankuasa yang terlibat dalam program itu.

# Program 'Outreach' bantu perkasa pendidikan luar bandar

OLEH MIZRON MARALANG

SERAMAI 39 orang mahasiswa dari Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan 21 orang ahli Majlis Guru Besar Daerah Tenom serta badan bukan kerajaan NGO iaitu ahli Concern Citizen Association (CCA-SUEC) terbabit dalam program "Outreach" Kapulu, Tenom, Sabah yang bertemakan "Scaling Up Education Community" baru-baru ini.

Program yang mendapat kerjasama Pejabat Perhubungan Parlimen Tenom yang diterajui oleh Ahli Parlimen Tenom, Datuk Raime Unggi, Pejabat Pelajaran Daerah Tenom, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Tenom dan Majlis Guru Besar Daerah Tenom ini beramatlamat untuk membantu masyarakat pedalaman khususnya di Kg.Kapulu, Kg Rundum, Kg.Tilis, Kg.Sumambu dan Kg Korolok bagi memacu pencapaian pendidikan murid-murid di kampung tersebut dalam bidang akademik.

Ketua Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, UMS, Dr.Khalid Johari, berkata program ini memberi impak positif terhadap komuniti iaitu terhadap komuniti penduduk ped-

alamans dan komuniti sekolah di pedalaman.

Katanya, program 'Outreach' dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran terhadap keutamaan maklumat dan teknologi dalam konteks perubahan masa kini.

"Aktiviti yang dijalankan sepanjang program juga memupuk semangat berteraskan teknologi dan meningkatkan seman-

gat persaingan dalam pendidikan.

"Bagi penduduk pedalaman mereka akan diterapkan dengan nilai pemuliharaan adat dan tradisi menerusi pendaya gunaan sains dan teknologi.

"Manakala bagi murid-murid, mereka akan diberi tunjuk ajar bagaimana untuk mempelajari teknik-teknik mudah dalam pembelajaran Sains, Matematik dan Bahasa

Inggeris," katanya.

"Sepanjang empat hari berada di sini, pelbagai aktiviti yang telah dijalankan bagi mengasah pengetahuan dan kemahiran dalam kaedah pembelajaran terhadap anak-anak murid di sini.

"Kami akan mengembangkan minat mereka dan menerapkan keseronokan dalam pembelajaran khususnya dalam bidang Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris bagi menarik minat murid-murid dalam mempelajari subjek-subjek ini.

"Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti Pembelajaran Berasaskan Permainan (*Game Based Learning*) yang menumpukan kepada pembelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris yang dibahagikan mengikut sesi berdasarkan bidang yang diberikan tumpuan.

"Saya merasakan adik-adik di sini amat bersemangat dan mampu berjaya suatu hari nanti sekiranya diberikan didikan, dorongan dan

sokongan yang bersepudu oleh semua pihak kerana perkembangan arus semasa dalam dunia pendidikan menuntut komitmen yang tinggi dan kerjasama dari semua pihak," kata Grace William selaku Jawatankuasa Program yang juga merupakan mahasiswa UMS dalam bidang pendidikan.

Konsep pendidikan seimbang seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan menuntut usaha yang lebih menyeluruh merentas sempadan sosio-geografi dan sosio-ekonomi.

Namun, dalam konteks pendidikan di Sabah, khususnya sekolah-sekolah di pedalaman, apa yang boleh dikatakan adalah "Sabah sangat memerlukan pembangunan pendidikan yang agresif, bersepudu dan menyeluruh".

Pada masa yang sama, institusi pengajian tinggi awam selaku menara ilmu, perlu berganding bahu bersama agensi-agensi kerajaan yang lain memikul tanggungjawab sosial bagi merapatkan jurang cabaran tersebut.

Maka inisiatif menggerakkan para pelajar universiti untuk melaksanakan tanggungjawab sosial memerlukan sokongan padu terutamanya dari kerajaan negeri Sabah dari segi moral dan material.

Program selama empat hari itu memberi impak yang positif kepada penduduk di kawasan pedalaman dan komuniti sekolah yang terdiri daripada pentadbir, guru-guru dan murid-murid khususnya dalam bidang akademik.

Justeru, pendekatan yang digunakan seperti program 'Outreach' dengan bertemakan "Scaling Up Education Community" memerlukan pengendalian dan pelaksanaan yang bersepudu bersama-sama agensi kerajaan yang lain bagi memastikan masyarakat di pedalaman khususnya, tidak ketinggalan dalam arus perubahan global.



ABADI KENANGAN...Raime dan Dr.Kamaruzaman mengabadikan kenangan bersama-sama dengan mahasiswa UMS, ahli Majlis Guru Besar Daerah Tenom, ahli jawatankuasa pelaksana dan murid-murid sekolah.



CENDERAHATI ... Raime (kiri) menerima cenderahati daripada Dr.Khalid (kanan).



PEMERIKSAAN ... Salah seorang penduduk kampung yang menerima pemeriksaan kesihatan dari kakitangan Pihak Hospital Tenom yang turut hadir bagi memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk-penduduk kampung pada program itu.



PERSEMAHAN ... Murid-murid sekolah dari Sk.Kapulu, Sk.Rundum, Sk.Korolok, Sk.Tilis dan Sk.Sumambu sedang membuat persemahan koir.